

09 NOV 1998

TUMPUAN MUSTAPA MENANGI PILIHAN RAYA

KUALA LUMPUR, 9 Nov (Bernama) -- Anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Mustapa Mohamed hari ini berkata beliau akan menumpukan perhatian untuk mempertahankan kerusi Parlimen kawasan Jeli pada pilihan raya akan datang.

"Perhatian saya ialah untuk menang pilihan raya," katanya kepada pemberita di lobi bangunan Parlimen di sini ketika ditanya sama ada beliau akan bertanding jawatan Timbalan Presiden Umno tahun depan.

Laporan muka depan akhbar Utusan Malaysia hari ini memetik sumber dalaman parti sebagai tidak menolak kemungkinan Mustapa, yang juga Menteri Kewangan Kedua, turut bertanding jawatan itu selain dua orang Naib Presiden sekarang iaitu Datuk Seri Najib Tun Razak dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Mustapa juga merupakan Menteri Pembangunan Usahawan.

Jawatan berkenaan kosong berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada parti pada 3 Sept lepas dan kabinet sehari sebelum itu.

Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini berkata beliau tidak akan melantik timbalannya sehingga pemilihan Umno yang dijangka pertengahan tahun depan.

-- BERNAMA

MAM PR